

**KEPINTARAN EMOSI SEBAGAI FAKTOR PERAMAL
PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR IPTA:
IMPLIKASI TERHADAP KEBOLEHPASARAN**

**Noriah Mohd. Ishak
Shaharuddin Ahmad
Kadderi Md. Desa
Rozlina Tan Abdullah**

Abstrak

Kajian ini adalah kajian penerokaan awal kepintaran emosi ke atas pelajar-pelajar tahun satu yang menuntut di Universiti Kebangsaan Malaysia ($n = 2150$). Kajian tinjauan yang dilakukan ini telah menggunakan alat ukur *Malaysian Emotional Quotient Inventory* yang dibina oleh sekumpulan penyelidik dari UKM secara dalam talian. Kajian ini bertujuan untuk: (a) meneroka profil kepintaran emosi pelajar universiti, (b) melihat perbezaan trait kepintaran emosi tersebut dalam kalangan pelajar-pelajar yang berlainan jantina, dan (c) melihat kebolehan kepintaran emosi dan status sosio-ekonomi sebagai faktor peramal kepada pencapaian akademik pelajar universiti. Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan statistik deskriptif (nilai peratus) dan statistik inferensi (ujian-t dan regresi linear). Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar tahun satu yang dikaji mempunyai Indeks Kepintaran Emosi (Indeks EQ) di tahap sederhana. Bagaimanapun pelajar didapati mempunyai nilai peratus yang rendah dalam beberapa domain termasuk kesedaran sendiri dan kemahiran sosial. Ujian-t yang dijalankan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan Indeks EQ yang signifikan dalam kalangan pelajar lelaki dan wanita. Pelajar wanita juga didapati mempunyai indeks EQ yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki. Pola ini dapat dilihat untuk beberapa bahagian sub-domain yang lain seperti motivasi sendiri dan empati. Walau pun, hasil Ujian Regresi Linear menunjukkan bahawa Indeks EQ adalah faktor penyumbang utama kepada pencapaian akademik pelajar berbanding dengan status sosio-ekonomi keluarga, namun, sumbangan tersebut adalah kecil. Kertas ini juga membincangkan kepentingan pembentukan trait kepintaran emosi untuk membantu pelajar meningkatkan kebolehpasaran mereka di bidang pekerjaan.

Abstract

This study was an early exploration of emotional intelligence of first year students studying in Universiti Kebangsaan Malaysia (n=2150). The survey was conducted using the Malaysian Emotional Quotient Inventory which was developed online by a group of researches from UKM. The study aimed : (a) to explore the emotional intelligence profile of university students, (b) to determine differences in emotional intelligence traits amongst students of different gender, and (c) to identify emotional intelligence ability and socio-economic status as predicting factors to academic achievement of university students. Data gathered were analyzed using descriptive statistics (percentage value) and inferential statistics (t- test and Linear Regression). Research findings showed that first year students had Emotional Intelligence Index (EQ Index) at average level. However, students were found to have low percentage value in several domains including self realization and social skills. The t-Test performed demonstrated that there was a significant difference in EQ Index between male and female students. Female students were also found having a higher EQ Index than male students. This pattern could be seen in several other sub-domains such as self motivation and empathy. Although Regression Linear test showed that EQ Index was the main contributing factor to academic achievement compared to family socio-economic status, the contribution was nevertheless small. This paper also discussed the importance of emotional intelligence development to help students promote their marketability in the job market.

PENGENALAN

Kepintaran emosi telah menjadi satu tajuk yang begitu banyak dibincangkan oleh ahli psikologis sejak beberapa tahun kebelakang ini. Walaupun bidang ilmu ini merupakan cabang dalam bidang psikologi, namun ia telah dapat menarik minat ramai pengkaji dari pelbagai bidang termasuk pengurusan dan pentadbiran, pendidikan, pengurusan pelajar dan psikiatri. Sebenarnya, bidang ini bukan sesuatu bidang yang baru kerana ia telah mula diperkenalkan oleh Thorndike pada tahun 1920an. Beliau merujuknya sebagai kepintaran sosial (*sosial intelligence*) yang menggambarkan kebolehan seseorang untuk memahami dan mengurus orang lain serta bertindak secara waras apabila berinteraksi dengan mereka.

Minat dunia moden terhadap konsep kepintaran emosi ini bermula melalui penulisan-penulisan awal tentang kecerdasan emosi oleh Mayer dan Salovey (1990). Malah mereka adalah kumpulan yang pertama menggunakan istilah kepintaran emosi atau "*emotional intelligence*" dan mengkajinya dari perspektif psikologikal menggunakan kaedah yang lebih sistematik. Mereka melihat kepintaran emosi sebagai kebolehan seseorang untuk memantau perasaan sendiri dan perasaan orang lain serta membezakan antara perasaan-perasaan tersebut. Namun, konsep ini mula menjadi perhatian ramai apabila Goleman menulis buku beliau yang bertajuk "*Emotional Intelligence*" dalam tahun 1995 dan "*Emotional Intelligence at Work Place*" pada tahun 1998. Kedua-dua buku ini telah membuka minda bukan sahaja orang ramai, malah ahli akademik terhadap isu ini yang mula membincangkan serta mengkajinya dari pelbagai sudut. Menurut Goleman (1995), kepintaran emosi amatlah diperlukan buat masa ini terutama di tempat kerja kerana cara majikan memilih pekerja sudah berubah. Ia bukan lagi hanya bergantung kepada kebolehan akademik semata-mata, malah yang lebih penting lagi individu yang ingin memohon pekerjaan tersebut perlu mempunyai kepintaran emosi yang tinggi. Beliau menyatakan bahawa individu dengan kepintaran emosi yang tinggi berupaya melakukan sesuatu tugas dengan jayanya, mempunyai kebolehan mengurus emosi sendiri dan orang lain serta mempunyai motivasi yang tinggi untuk berjaya.

Menurut Goleman (1995) lagi, kepintaran emosi merupakan satu konsep yang sangat relevan terutama kepada usaha sesebuah organisasi untuk membina dan memperkembangkan potensi sumber manusia yang ada. Ini kerana prinsip kepintaran emosi boleh membantu organisasi tersebut untuk membina kaedah untuk memahami dan menilai tingkahlaku dan gaya pengurusan, sikap, kemahiran interpersonal dan potensi terpendam yang terdapat dalam diri seseorang. Kepintaran emosi juga harus diambil kira apabila sesebuah organisasi pekerjaan mula memikirkan tentang perancangan sumber manusia, membina profil pekerja, mengurus perkembangan sumber manusia serta menentukan individu yang sesuai untuk memberikan perkhidmatan terbaik bagi pelanggan organisasi tersebut.

Perkembangan yang sama juga telah berlaku di Malaysia apabila kajian awal yang dilakukan oleh Noriah, Siti Rahayah, Zuria, Saemah, Manisah dan Rosadah (2000) telah dapat membuktikan

bahawa kepintaran emosi mempunyai hubungkait yang positif dengan kebolehan kognitif serta kecekapan seseorang menyelesaikan sesuatu tugas. Seterusnya, sekumpulan penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia yang diketuai oleh Noriah (2004) telah menjalankan kajian yang lebih mendalam untuk melihat profil kepintaran emosi dalam kalangan pekerja sektor awam di Malaysia. Kajian tersebut telah melibatkan individu dari pelbagai jenis pekerjaan termasuk guru, jururawat, polis, pegawai penjara dan pegawai imigresen. Kajian awal ini telah menimbulkan minat ramai pengkaji lain di Malaysia yang mula mengkaji konsep ini dari pelbagai sudut menggunakan subjek yang pelbagai (Wan Ashibah, 2004; Syafrimen, 2004; Syed Najmuddin, 2005; Zurina, 2005, Iskandar, 2006; Saemah, 2006; Rorlinda, 2007). Bagaimanapun, kajian-kajian yang dinyatakan tersebut kebanyakannya melihat profil kepintaran emosi dalam kalangan individu yang bekerja sebagai guru/pensyarah atau pelajar sekolah menengah antara umur 15 hingga 17 tahun.

Kajian untuk melihat profil kepintaran emosi dalam kalangan pelajar universiti atau pelajar di Institut Pengajian Tinggi masih belum wujud di Malaysia. Kajian sedemikian adalah sangat penting memandangkan pelajar-pelajar ini akan meninggalkan dunia pendidikan untuk mencari pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan dan ciri peribadi mereka. Laporan media masa (Berita Harian, 2006) pula telah menyuarakan beberapa kelemahan graduan tempatan termasuk dari aspek keterampilan diri yang mantap sehingga menjejaskan peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan. Graduan tempatan dikatakan kurang mahir berkomunikasi dengan berkesan, kurang reseptif terhadap proses pembelajaran, dan mempunyai sifat yakin diri yang rendah. Justeru, kajian untuk melihat profil kepintaran emosi bukan sahaja penting untuk dijalankan ke atas pelajar yang akan tamat pengajian mereka, malah lebih penting lagi, kajian sedemikian harus dilakukan ke atas pelajar yang baru diterima masuk ke IPTA agar kekurangan atau kelemahan mereka dalam mana-mana trait kepintaran emosi dapat diperbaiki dan diperkukuhkan di sepanjang pengajian mereka.

Penulisan ini seterusnya melaporkan kajian yang dijalankan untuk melihat profil kepintaran emosi dalam kalangan pelajar-pelajar tahun satu yang menuntut di UKM pada sesi akademik 2007/2008. Memandangkan bilangan pelajar wanita yang mendapat tempat di universiti untuk


meneruskan pengajian semakin meningkatkan, melebihi bilangan pelajar lelaki (dan ini mempunyai implikasi terhadap kebolehpasaran mereka) maka kajian ini juga akan memfokus kepada trait kepintaran emosi pelajar-pelajar mengikut jantina. Selain itu, kajian ini juga akan cuba melihat kebolehan konstruk kepintaran emosi dan status sosio-ekonomi sebagai faktor peramal kepada pencapaian akademik pelajar universiti. Kedua-dua faktor ini penting dikaji kerana, pertama, kajian lepas menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara trait kepintaran emosi dan pencapaian akademik pelajar (Hartley, 2004; Charbonneau & Nicol, 2002; Cherniss, 2001). Kedua, pembinaan kepintaran emosi juga dipengaruhi oleh faktor persekitaran, dan kajian ini melihat kepada persekitaran keluarga melalui status sosio-ekonomi keluarga. Jika hasil kajian menunjukkan bahawa trait kepintaran emosi dan status sosio-ekonomi keluarga boleh menjadi faktor penyumbang kepada pencapaian akademik, maka perhatian yang serius harus diberikan kepada kedua-dua faktor tersebut agar ianya dapat membantu pelajar mencapai pencapaian akademik yang optima.

Konsep Kepintaran Emosi

Pendefinisian konsep kepintaran emosi boleh diklasifikasikan kepada dua, iaitu: (a) kepintaran emosi yang dilihat sebagai trait atau ciri peribadi, dan (b) kepintaran emosi yang dilihat sebagai satu kebolehan. Menurut Petrides dan Furnham (2004), "*Trait EI (or 'emotional self-efficacy') refers to a constellation of behavioral dispositions and self-perceptions concerning ones's ability to recognize, process, and utilize emotionally-laden information*" (p. 278). Contoh kepintaran emosi yang dilihat sebagai trait atau ciri peribadi ialah: kebolehsuaian, pengawalan emosi, pengurusan emosi, motivasi sendiri, kemahiran membina hubungan interpersonal dan ciri asertif yang dipunyai oleh seseorang. Ada juga yang melihat kepintaran emosi sebagai satu kebolehan. Menurut Mayer dan Salovey (1993) kepintaran emosi merupakan satu set kemahiran yang berhubungkait "*that involves the ability to monitor one's own and others' feelings and emotions, to discriminate among them and to use this information to guide one's thinking and actions*" (p. 189). Definisi kepintaran emosi yang dikemukakan oleh Mayer dan Salovey (1990) juga memberi penekanan kepada peranan kognisi dan aktiviti

pemprosesan perasaan yang melibatkan: (a) bagaimana seseorang mempersepsi dan mengekspresikan perasaannya, (b) mengasimilasikan perasaan tersebut dalam pemikirannya, (c) memahami dan menganalisis perasaan tersebut, dan (d) meregulasikan perasaan yang dipunyainya.

Bagaimanapun, kajian ini menggunakan konsep kepintaran emosi yang diguna pakai oleh Noriah et al. (2004). Ianya bersandarkan kepada konsep kepintaran emosi yang dicadangkan oleh Daniel Goleman (1996). Seperti Goleman (1996), Noriah et al. (2001) melihatnya sebagai satu trait atau ciri peribadi yang terhasil dari kesan berinteraksi seseorang dengan persekitaran dan dipengaruhi oleh budaya sesuatu masyarakat setempat. Justeru, Noriah et al. (2004) telah cuba mendapatkan satu definisi kepintaran emosi yang boleh diguna pakai untuk menerangkan konsep tersebut dalam budaya tempatan (rujuk Rajah 1). Ini telah dilakukan menerusi temubual individu dan berkumpulan yang dilakukan ke atas 350 orang individu yang bekerja dalam pelbagai sektor awam. Hasilnya, satu gambaran yang lebih menyeluruh tentang konsep kepintaran emosi yang difahami oleh masyarakat setempat telah dapat dibina. Kepintaran emosi telah dilihat dari beberapa aspek iaitu: aspek pengurusan sendiri, pengurusan orang lain, pengurusan kerohanian dan kematangan serta pembelajaran sepanjang hayat.



Rajah 1: Domain dan Sub-Domain Kepintaran Emosi

Aspek pengurusan sendiri digambarkan oleh tiga domain: kesedaran sendiri, regulasi sendiri dan motivasi sendiri. Setiap domain seterusnya diukur melalui beberapa sub-domain yang lebih kecil seperti yang digambarkan oleh Rajah 1 (carta pai). Aspek pengurusan orang lain pula digambarkan melalui dua domain yang besar iaitu empati dan dan kemahiran sosial. Kedua-dua domain ini juga diukur melalui beberapa sub-domain yang lebih spesifik seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Pengurusan kerohanian menggambarkan ciri keperibadian seperti penyabar, pemaaf, dan tidak pemaarah. Kematangan pula menggambarkan ciri keperibadian yang mengarah kepada minat untuk menggunakan pengalaman hidup sebagai sumber pengetahuan bagi membina kehidupan yang lebih baik. Kesemua trait tersebut bertindak sebagai batu blok yang membina ke atas satu sama lain bermula dengan kebolehan mengurus diri sendiri sehingga kepada menggunakan pengalaman hidup sebagai punca ilmu bagi mengurus kehidupan. Perbincangan seterusnya akan merujuk setiap sub-domain sebagai trait.

PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini cuba menjawab tiga persoalan kajian:

- a) Apakah profil trait kepintaran emosi pelajar-pelajar UKM sesi akademik 2007/2008?
- b) Adakah wujud perbezaan indeks kepintaran emosi dalam kalangan pelajar yang berlainan jantina?
- c) Bolehkah kepintaran emosi dan status sosio-ekonomi keluarga menjadi pembolehubah peramal kepada pencapaian akademik pelajar?

METOD KAJIAN

Populasi dan Sampel Kajian

Kajian ini telah melibatkan semua pelajar tahun satu yang memasuki Universiti Kebangsaan Malaysia pada sesi akademik 2007/2008. Bagaimanapun hanya seramai 2150 orang pelajar tahun satu bagi sesi

akademik tersebut telah mengambil bahagian dengan memberikan respons terhadap alat ukur MEQI kertas-dan-pensil yang digunakan.

Jadual 1 menunjukkan pecahan responden mengikut fakulti. Fakulti Sains dan Teknologi (n=446) serta Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan (n=323) mendahului fakulti-fakulti lain dari bilangan pelajar teramai yang mengambil bahagian dalam kajian ini. Hanya sebilangan kecil pelajar Fakulti Pergigian (n=75) dan Fakulti Undang-Undang (n=49) yang mengambil bahagian dalam kajian ini. Bagaimanapun ini adalah wajar memandangkan bilangan pelajar yang mendaftar di fakulti-fakulti tersebut adalah kecil. Seramai 589 pelajar lelaki telah menjadi responden dalam kajian ini, manakala bilangan pelajar perempuan yang mengambil bahagian dalam kajian ini pula melebihi tiga kali ganda bilangan pelajar lelaki (1561). Pecahan mengikut bangsa pula adalah seperti berikut: Melayu (1325, 61.62%), Cina (649, 30.19%), India (126, 5.86%) dan lain-lain bangsa (50, 2.33%).

Jadual 1: Bilangan Responden Mengikut Fakulti

Fakulti	Bilangan	Nilai peratus
Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (FTSM)	118	5.49
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)	323	15.02
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP)	227	10.56
Fakulti Sains dan Teknologi (FST)	446	20.74
Engeneering (ENG)	165	7.67
Perubatan (MED)	114	5.30
Fakulti Sains dan Kesihatan Bersekutu (FSKB)	117	5.45
Fakulti Pengajian Islam (FPI)	187	8.70
Fakulti Pendidikan (FPEND)	274	12.74
Undang-Undang (UU)	49	2.28
Pergigian	75	3.49
Tidak Dikenalpasti	55	2.56
Jumlah	2150	100

Metod Kajian dan Kaedah Pengumpulan Data

Kajian berbentuk penerokaan ini menggunakan rekabentuk kajian tinjauan. Data dikumpul sekali sahaja sepanjang kajian dijalankan. Bagaimanapun oleh kerana ini merupakan kajian penerokaan awal trait kepintaran emosi dalam kalangan pelajar di IPTA, justeru ini dirasakan sudah mencukupi untuk pengkaji mengumpulkan data awal. Kajian ini telah menggunakan alat ukur yang dikenali sebagai Malaysian Emotional Quotient Inventory (MEQI-U) versi universiti yang dibina dalam talian untuk menentukan indeks kepintaran emosi pelajar. Semua pelajar tahun satu yang berjaya menempatkan diri di Universiti Kebangsaan Malaysia telah diminta untuk memberikan respons kepada alat ukur tersebut. Pelajar telah diberikan tempoh tiga minggu bermula dengan minggu pertama mereka berada di UKM dan mereka telah diminta untuk memberikan respons terhadap alat ukur tersebut dengan melayari laman web beralamat <http://www.ukmholding.ukm.my/meqi>. Ini dilakukan semasa mereka menjalankan aktiviti orientasi Minggu Mesra Pelajar di kolej kediaman masing-masing. Pelajar yang tidak memberikan respons dalam tempoh yang ditetapkan telah diberi peringatan melalui kolej masing-masing. Pengumpulan data telah ditamatkan selepas tempoh tiga minggu sesi 2007/2008 bermula.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan alat ukur Malaysian Emotional Quotient Inventory (MEQI-U) versi universiti secara dalam talian yang dibina oleh sekumpulan penyelidik dari Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Alat ukur tersebut mengandungi 182 item yang mengukur empat aspek kepintaran emosi iaitu: pengurusan sendiri, pengurusan orang lain, pengurusan kerohanian dan kematangan. Setiap aspek kepintaran emosi ini diwakili oleh beberapa domain dan subdomain seperti Rajah 1. Pengurusan Kendiri diukur dari tiga domain (Kesedaran Kendiri, Regulasi Kendiri dan Motivasi Kendiri). Pengurusan Orang Lain diukur dari dua domain (Empati dan Kemahiran Sosial), manakala Kerohanian dan Kematangan diukur secara holistik tanpa pembahagian kepada domain tertentu. Pecahan trait bagi setiap domain tersebut adalah seperti yang dicatatkan dalam Rajah 1. Bilangan item yang

digunakan untuk mengukur setiap domain dan nilai kebolehpercayaan bagi domain-domain tersebut adalah seperti dalam Jadual 2.

Nilai kebolehpercayaan keseluruhan bagi alat ukur ini ialah 0.80, manakala julat bagi nilai kebolehpercayaan untuk setiap trait adalah antara 0.74 hingga 0.84. Alat ukur ini mempunyai 11 bahagian mengikut setiap trait dalam dua bentuk: secara persepsi dan secara pencapaian. Item-item yang mengukur persepsi adalah item yang dibina menggunakan skala Likert lima mata. Terdapat pelbagai bentuk item pencapaian seperti soalan terbuka, pengenalan kepada ekspresi wajah, gambar pemandangan yang membawa makna dan lakaran mazes. Oleh kerana setiap konstruk tersebut diukur melalui gabungan antara item persepsi dan item pencapaian, maka penilai peratusan bagi setiap domain dan trait yang dinyatakan dilakukan melalui campuran nilai peratus kedua bentuk item tersebut.

DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa indeks kepintaran emosi pelajar tahun satu yang dikaji ialah pada tahap 75.20% ($n = 2150$, $SD = 9.18$). Indeks kepintaran emosi dikira dengan mencari min bagi peratus yang diperolehi untuk kesemua domain kepintaran emosi. Menurut Noriah dan Siti Rahayah (2005), indeks kepintaran emosi antara 61 hingga 80 menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang dikaji mempunyai indeks yang sederhana dalam beberapa bahagian trait kepintaran emosi (contohnya: komitmen, minat, boleh memaafkan orang lain dan kebolehan mengembangkan potensi orang lain). Ini merupakan kekuatan mereka. Namun, terdapat beberapa juga trait yang mempunyai nilai peratus yang rendah (seperti: kesedaran emosi, keyakinan diri dan kawalan sendiri) yang sebenarnya menarik turun indeks kepintaran emosi pelajar. Justeru, indeks kepintaran emosi pelajar-pelajar yang dikaji menunjukkan bahawa mereka mempunyai kekuatan kepintaran emosi yang diperlukan, namun masih belum menonjol sepenuhnya (Rujuk Jadual 3).

Jadual 2: Bilangan Item dan Nilai Kebolehpercayaan

Aspek Kepintaran Emosi Yang Diukur	Domain	Sub-Domain (Trait)	Nilai Alpha
Pengurusan Kendiri	Kesedaran Emosi	Kejujuran	0.80
		Yakin Diri	
		Penilaian Kendiri Yang Tepat	
	Regulasi Kendiri	Kesedaran Emosi	0.79
		Inovatif	
		Kebolehsuaian	
Motivasi Kendiri	Kebertanggungjawab	0.74	
	Kebolehpercayaan		
	Kawalan Kendiri		
	Minat		
Pengurusan Orang Lain	Empati	Initiatif	0.84
		Komitmen	
		Dorongan Pencapaian	
		Penyayang	
		Kesedaran Politik	
		Mengembangkan Potensi Orang Lain	
	Kemahiran Sosial	Berorientasikan Perkhidmatan	0.82
		Menimbang Kepelbagaian	
		Membantu Orang Lain	
		Memahami Orang Lain	
Kematangan	Kemahiran Sosial	Komunikasi	0.80
		Kerjasama	
		Kolaborasi dan Bekerjasama	
		Membina Hubungan	
		Pemangkin Perubahan	
		Kepimpinan	
		Pengurusan	
Konflik Pengaruh			
Kerohanian		0.79	
Kematangan		0.82	
Nilai Alpha Keseluruhan			0.80

Jadual 3: Interpretasi Nilai Indeks Kepintaran Emosi

Nilai peratus Indeks Kepintaran Emosi	Interpretasi
81 hingga 100	Menunjukkan bahawa trait kepintaran emosi yang wujud dalam diri seseorang merupakan kekuatan bagi dirinya dan sepatutnya digunakan sepenuhnya.
61 hingga 80	Menunjukkan bahawa trait kepintaran emosi yang perlu dicari dalam diri seseorang boleh menjadi kekuatan bagi dirinya, namun ianya perlu dicari dalam diri individu tersebut
41 hingga 60	Menunjukkan bahawa trait kepintaran emosi yang diperlukan dalam diri seseorang perlu dibina kerana kewujudannya adalah ditahap yang lemah.
Kurang dari 40	Menunjukkan bahawa trait kepintaran emosi yang perlu ada dalam diri seseorang berada di tahap yang sangat lemah dan perlu dibina secepat mungkin.

(Noriah & Siti Rahayah, 2005)

Analisis secara terperinci mengikut trait bagi kesedaran sendiri menunjukkan bahawa pelajar tahun satu yang dikaji mempunyai nilai peratus yang rendah untuk kesedaran emosi (min = 63.48, SD = 16.83) dan kebolehan menilai diri dengan tepat. Aspek kematangan pula mempunyai nilai peratus yang paling tinggi iaitu 88.14%, diikuti dengan nilai peratus kerohanian (84.49 %). Bagaimanapun, tidak ada bahagian domain atau sub-domain (trait) yang mendapat nilai peratus yang melebihi 90%. Jadual 4 menunjukkan nilai peratus bagi setiap trait bagi domain kesedaran sendiri. Trait kesedaran emosi mempunyai nilai peratus terendah, diikuti dengan trait yakin diri. Trait menilai diri dengan tepat dan jujur mempunyai nilai peratus yang juga agak rendah.

Bagi domain regulasi sendiri, data menunjukkan bahawa trait kawalan sendiri mempunyai nilai peratus yang agak rendah (68.72%). Begitu juga nilai peratus bagi kebolehsuaian, inovatif dan kebolehpercayaan. Kesemua trait tersebut mendapat nilai peratus yang agak rendah (Jadual 5). Pelajar tahun satu yang dikaji juga memperolehi nilai peratus trait dorongan pencapaian (bagi domain motivasi sendiri)

yang rendah (57.19%) berbanding dengan mana-mana trait yang lain. Bagaimana pun, trait minat dan komitmen mencapai nilai peratus yang agak tinggi (melebihi 80%).

**Jadual 4: Nilai peratus Mengikut Domain Pengurusan
Kendiri (Trait: Kesedaran Kendiri, Regulasi
Kendiri dan Motivasi Kendiri)**

		Nilai peratus Trait	Nilai peratus Domain
Kesedaran Kendiri	Kesedaran Emosi	59.32	68.39
	Menilai Emosi Dengan Tepat	68.54	
	Yakin Diri	65.23	
	Jujur	74.45	
Regulasi Kendiri	Kawalan Kendiri	68.72	72.38
	Kebolehpercayaan	74.58	
	Kebertanggungjawapan	7.29	
	Kebolehsuaian	72.29	
	Inovatif	73.86	
Motivasi Kendiri	Dorongan Pencapaian	57.19	68.26
	Komitmen	80.67	
	Inisiatif	74.75	
	Minat	83.95	

**Jadual 5: Nilai peratus Mengikut Domain Pengurusan
Orang Lain (Trait: Empati dan Kemahiran Sosial)**

	Nilai Peratus Trait	Nilai Peratus Domain
Memahami Orang Lain	72.25	
Membantu Orang Lain	78.98	
Mengembang Potensi Orang Lain	80.36	
Berorientasikan Perkhidmatan	76.93	76.77
Menyungkil Kepelbagaian	79.89	
Kesedaran Dinamik Kumpulan	61.32	
Penyayang	79.62	
Mempengaruhi Orang Lain	63.10	
Komunikasi	68.96	
Pengurusan Konflik	78.10	
Kepemimpinan	74.24	70.92
Pemangkin Perubahan	73.95	
Pembina Hubungan	74.82	
Berkolaborasi dan Bekerjasama	76.64	
Bekerja Secara Berpasukan	78.21	

Kesemua item bagi pengurusan kerohanian mempunyai nilai peratus yang tinggi melebihi 80%. Item pemaaf mempunyai nilai peratus tertinggi (89.67%), diikuti dengan item tidak suka memburukkan orang lain (88.11%), tidak memaklumkan kepada orang lain apabila memberi bantuan (87.89%), sabar 86.36%) dan suka melihat orang lain berjaya (86.50%) (Jadual 6). Item-item kerohanian yang diukur ini adalah lebih bersifat universal dan tidak merujuk kepada mana-mana agama secara spesifik.

Jadual 6: Nilai peratus Mengikut Item bagi Pengurusan Kerohanian

Item	Nilai Peratus Item	Nilai Peratus Domain
Suka melihat orang lain berjaya	86.50	86.30
Apa yang berlaku dianggap telah ditentukan	84.46	
Tidak mahu merosakkan kehidupan orang lain	84.79	
Tidak suka menyatakan sesuatu yang buruk tentang orang lain	88.11	
Tidak membenci sesiapa	84.42	
Menghulur bantuan secara senyap	87.89	
Sabar	86.36	
Selalu memaafkan orang lain	89.67	

Kesemua item yang mengukur kematangan juga mempunyai nilai peratus yang tinggi, melebihi 80%. Nilai peratus tertinggi ialah bagi item “belajar dari kesukaran” (90.07%). Nilai peratus bagi item yang lain adalah di antara 87.45% hingga 88.33% (sila rujuk Jadual 7).

Jadual 7: Nilai peratus Mengikut Item Bagi Kematangan

Item	Nilai peratus item	Nilai peratus Domain
Belajar dari kesukaran hidup	90.07	88.20
Pengalaman hidup menjadikan diri lebih berhati-hati	88.10	
Pengalaman membantu menerima kritikan secara terbuka	87.65	
Tidak mudah berputus asa	88.33	
Sentiasa belajar untuk meningkatkan kefahaman tentang sesuatu perkara	87.45	

Kepintaran Emosi Dalam Kalangan Pelajar Berlainan Jantina

Jadual 10 menunjukkan hasil analisis data menggunakan ujian-t untuk melihat perbezaan nilai peratus setiap domain kepintaran emosi serta indeks keseluruhan kepintaran emosi dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan yang dikaji. Keputusan ujian menunjukkan perbezaan yang signifikan bagi indeks keseluruhan ($df = 2092$, $p = 0.02$), serta domain-domain kepintaran emosi yang berikut: regulasi sendiri ($df = 2091$, $p = 0.04$), motivasi sendiri ($df = 2091$, $P = 0.00$), empati ($df = 2091$, $P = 0.00$), kerohanian ($df = 2046$, $P = 0.00$) dan kematangan ($df = 2042$, $P = 0.00$).

Jadual 8: Ujian-t – Kepintaran Emosi dan Jantina

	t	Df	p	MD	<i>Std Error of Difference</i>
Kesedaran Kendiri	0.61	2092	0.55	0.23	0.38
Regulasi Kendiri	2.01	2091	0.04**	0.74	0.37
Motivasi Kendiri	-3.82	2091	0.00**	-2.71	0.71
Empati	-3.51	2091	0.00**	-1.46	0.42
Kemahiran Sosial	-0.67	2085	0.50	-0.31	0.45
Kerohanian	-4.4	2046	0.00**	-3.23	0.73
Kematangan	-3.38	2042	0.00**	-2.11	0.62
Indeks Kepintaran Emosi	-2.33	2092	0.02**	-1.06	0.46

** pada tahap 0.05

Jadual 8 dan Jadual 9 menunjukkan hasil Ujian-t dan perbezaan min untuk setiap domain dan indeks keseluruhan kepintaran emosi dalam kalangan pelajar yang dikaji. Secara keseluruhan, didapati pelajar perempuan mempunyai indeks kepintaran emosi yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki (lelaki = 74.50, perempuan = 75.57). Walaupun perbezaan yang diperolehi adalah kecil, namun nilai p yang diperolehi adalah signifikan. Pola yang sama juga dapat dilihat bagi domain motivasi sendiri (lelaki = 66.31, perempuan = 69.02),

empati (lelaki = 75.70, perempuan = 77.16), pengurusan kerohanian (lelaki = 83.91, perempuan = 87.14), dan kematangan (lelaki = 86.65, perempuan = 88.76). Bagaimana pun, pola perbezaan nilai peratus bagi domain regulasi sendiri adalah kelihatan terbalik dimana pelajar lelaki (72.93) mempunyai nilai peratus yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar perempuan (72.19). Walaupun nilai perbezaannya adalah kecil, namun ianya juga adalah signifikan. Hasil analisis juga menunjukkan bahawa tidak terdapat sebarang perbezaan nilai peratus bagi kesedaran sendiri dan kemahiran sosial untuk ke dua-dua kumpulan pelajar yang dikaji.

Jadual 9: Perbezaan Peratus Mengikut Jantina

	JANTINA	N	Peratus	SD	SEM
Kesedaran Kendiri (KK)	lelaki	533.00	68.60	8.30	0.36
	perempuan	1561.00	68.37	7.45	0.19
Regulasi Kendiri (RK) *	lelaki	533.00	72.93	7.69	0.33
	perempuan	1560.00	72.19	7.26	0.18
Motivasi Kendiri (MK) *	lelaki	533.00	66.31	14.44	0.63
	perempuan	1560.00	69.02	14.02	0.36
Empati (E) *	lelaki	533.00	75.70	8.75	0.38
	perempuan	1560.00	77.16	8.10	0.21
Kemahiran Sosial (KM)	lelaki	531.00	70.74	9.76	0.42
	perempuan	1556.00	71.04	8.80	0.22
Kerohanian (KR) *	lelaki	525.00	83.91	16.24	0.71
	perempuan	1523.00	87.14	13.83	0.35
Kematangan (KM) *	lelaki	522.00	86.65	13.95	0.61
	perempuan	1522.00	88.76	11.66	0.30
Indeks Kepintaran Emosi *	lelaki	533.00	74.50	9.30	0.40
	perempuan	1561.00	75.57	9.00	0.23

EQ dan Status Sosio-ekonomi Keluarga Sebagai Faktor Peramal Pencapaian Akademik

Ujian Regresi Linear digunakan untuk melihat sama ada sesuatu nilai peratus yang diperolehi bagi pemboleh ubah pilihan (kepintaran emosi dan status sosio-ekonomi keluarga) yang dikaji boleh digunakan untuk meramal nilai peratus pembolehubah lain (pencapaian akademik) dalam kajian ini. Jadual 10 menunjukkan min pencapaian akademik, status sosio-ekonomi keluarga (dalam bentuk pendapatan) dan Indeks EQ bagi sejumlah pelajar ($n = 1981$) yang dikaji. Nilai n yang digunakan menggambarkan jumlah pelajar secara keseluruhan yang memberi maklumat lengkap tentang PNGK dan pendapatan keluarga mereka. Seramai 168 subjek kajian telah tidak memberikan maklumat yang lengkap. Analisis data menunjukkan bahawa min pencapaian akademik ialah 3.40 ($SD = 0.47$). Min bagi pendapatan keluarga pula ialah RM1892.54 ($SD = 2027.55$), manakala nilai peratus bagi indeks EQ ialah 75.92 ($SD = 9.00$).

Hasil analisis (Jadual 10) menunjukkan hubungan yang signifikan antara status sosio-ekonomi dan pencapaian akademik pelajar ($p = 0.00$, $r = 0.11$), dan antara nilai peratus indeks EQ dan pencapaian akademik ($p = 0.00$, $r = 0.18$). Bagaimanapun, tidak terdapat hubungan yang signifikan antara status sosio-ekonomi dengan nilai peratus indeks EQ pelajar. Analisis data ini juga menunjukkan bagi hubungan antara status sosio-ekonomi dan pencapaian akademik, nilai r^2 ialah 0.012. Ini bermakna 1.2% faktor status sosio-ekonomi menerangkan varians yang wujud dalam faktor pencapaian akademik. Nilai ini walaupun signifikan, namun terlalu kecil untuk mempunyai sebarang makna. Kemungkinan banyak faktor lain yang memainkan peranan dalam meningkat atau menurunkan nilai pencapaian akademik pelajar yang dikaji (contoh: keberkesanan pengajaran, situasi pembelajaran, pengaruh rakan sebaya dan sebagainya). Nilai r^2 antara indeks EQ dan pencapaian akademik, bagaimanapun, adalah lebih tinggi ($r^2 = 0.032$). Justeru, sejumlah 3.2% varians dari pembolehubah bersandar (pencapaian akademik) yang boleh dianggap mempunyai asosiasi dengan varians pemboleh ubah bebas yang dikaji (kepintaran emosi). Ini juga boleh dianggap sebagai jumlah varians yang dikongsi bersama antara kedua pemboleh ubah tersebut. Bagaimana pun, perlu diingat bahawa nilai r^2 ini juga masih

terlalu kecil. Sehubungan dengan itu, bolehlah disimpulkan bahawa wujud faktor lain yang menyumbang kepada pencapaian akademik pelajar termasuk kaedah pengajaran, suasana pembelajaran, hubungan pensyarah-pelajar dan sebagainya.

Jadual 10: Korelasi Pearson antara nilai peratus Indeks EQ, Status Sosio-ekonomi dan Pencapaian Akademik

		Pencapaian Akademik	Pendapatan Ibubapa	Indeks Kepintaran Emosi
Pearson Correlation	Pencapaian Akademik	1.00	0.11	0.18
	Pendapatan Ibubapa	0.11	1.00	0.03
	Indeks EQ	0.18	0.03	1.00
Sig. (1-tailed)	Pencapaian Akademik		0.00**	0.00**
	Pendapatan Ibubapa	0.00**		0.13
	Indeks EQ	0.00**	0.13	
N	Pencapaian Akademik	1981.00	1981.00	1981.00
	Pendapatan I bubapa	1981.00	1981.00	1981.00
	Indeks EQ	1981.00	1981.00	1981.00

** Signifikan pada 0.01 level (2-hujung).

Jadual 11 menunjukkan rumusan model yang diperolehi dari analisis ujian linear regresi. Dengan merujuk kepada Model 2, nilai r (*Multiple Correlation Coefficient*) yang diperolehi ialah 0.211. Ini menunjukkan kekuatan hubungan antara Indeks EQ dan status sosio-ekonomi keluarga ke atas pencapaian akademi pelajar. Bagaimana pun, nilai yang harus diberi perhatian ialah r Squared (r^2) yang menggambarkan *Coefficient of Determination*. Dalam model 2 ini nilai r^2 yang diperolehi ialah 0.045 (atau 4.5%) dan ini merupakan nilai

peratus varians yang dikongsi bersama antara pemboleh pencapaian akademik dan ke dua-dua pembolehubah tidak bersandar.

Jadual 11: Rumusan Model (*Model Summary*)

Model	r	r ²	Adjusted R ²	Std. Error of the Estimate
1	0.181(a)	0.033	0.032	0.46586
2	0.211(b)	0.045	0.043	0.46321

a Peramal: (Constant), Indeks EQ

b Peramal: (Constant), Indeks EQ, Pendapatan Ibubapa

Jadual 12 menunjukkan nilai Beta yang diperolehi ialah 0.18 ($p = 0.00$, $t = 6.23$). Nilai Beta ini menggambarkan kekuatan kepintaran emosi dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Nilai 0.18 menggambarkan perubahan satu *standard deviation* bagi nilai peratus kepintaran emosi yang akan menyebabkan perubahan sebanyak 0.18 bagi nilai pencapaian akademik pelajar. Nilai ini adalah kecil untuk mempengaruhi nilai pencapaian akademik pelajar, namun boleh dipertimbangkan.

Nilai yang diperolehi bagi kecerunan garis regresi ialah 0.01 dan nilai bagi '*intercept*' ialah 2.64. Nilai kecerunan menggambarkan kecerunan garis regresi. Nilai 0.01 menggambarkan bahawa garisan tersebut adalah berbentuk diagonal, namun kecerunannya adalah rendah. Nilai '*intercept*' pula menggambarkan di mana garisan regresi akan memotong paksi y. Justeru, persamaan regresi yang diperolehi adalah seperti di bawah:

$$\text{Pembolehubah Peramal} = 0.01 \times \text{nilai Indeks EQ} + 2.64$$

Ini bermakna jika pelajar yang dikaji mempunyai indeks kepintaran emosi di aras 90%, maka pencapaian akademiknya (dalam PNGK) diramalkan berjumlah 3.54. Jika pula pelajar mendapat nilai indeks kepintaran emosi pada tahap minima (diambil pada tahap 40%), maka nilai PNGKnya ialah 3.04.

Jadual 12: Nilai Beta

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
		B	Std. Error	Beta		
1.00	(Constant)	2.67	0.12		23.21	0.00
	Kepintaran Emosi	0.01	0.00	0.18	6.32	0.00
2.00	(Constant)	2.64	0.11		22.98	0.00
	Kepintaran Emosi	0.01	0.00	0.18	6.23	0.00
	Status Sosio-Ekonomi	0.00	0.00	0.11	3.81	0.00

Pembolehubah Bersandar: Pencapaian Akademik

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Kajian yang dijalankan telah dapat menunjukkan profil yang menarik untuk menerangkan trait kepintaran emosi pelajar-pelajar tahun satu yang dikaji. Indeks keseluruhan kepintaran emosi yang diperolehi adalah 75.20. Menurut Noriah (2006) nilai ini menggambarkan bahawa pelajar-pelajar yang tersebut mempunyai semua trait kepintaran emosi yang diuji. Bagaimanapun, dalam trait tersebut, ada trait yang sebenarnya menarik indeks kepintaran emosi pelajar-pelajar tersebut ke tahap yang lebih rendah. Ini jelas dapat dilihat dalam domain kesedaran emosi dimana pelajar-pelajar yang dikaji mempunyai nilai peratus yang rendah dalam kebanyakan trait (kurang dari 70%) melainkan trait kejujuran. Ini menyokong beberapa kajian lepas (Ojanen & Perry, 2007; Chrusciel, 2006; Hartley, 2004) yang menunjukkan bahawa graduan universiti kurang mempunyai ciri peribadi seperti sifat yakin diri serta mengenalpasti dan memproses perasaan yang ada dalam diri mereka. Ini seterusnya memberikan kesan yang negatif ke atas estem sendiri mereka.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pelajar yang dikaji mendapat nilai peratus yang rendah bagi trait kawalan sendiri. Walaupun

nilai peratus bagi trait yang lain adalah lebih tinggi, nilai peratus trait ini akan menarik nilai peratus keseluruhan bagi domain regulasi sendiri agar menjadi lebih rendah dari yang sepatutnya. Dapatan ini menyokong hasil kajian yang dijalankan oleh Charbonneau dan Nicol (2001). Mereka mendapati bahawa subjek kajian yang mempunyai kawalan diri yang rendah juga mempunyai kesukaran menjalankan tugas sebagai pemimpin. Hasil dapatan kajian ini juga menyokong kajian yang dijalankan oleh Marques (2006) yang menunjukkan bahawa kawalan sendiri merupakan satu aspek yang boleh menyumbang kepada kebolehfungsian seseorang apabila berada dalam sesuatu persekitaran pekerjaan yang mencabar. Beliau juga meramal bahawa trait ini boleh membantu meningkatkan beberapa aspek kepimpinan seperti membina kesabaran diri dan keinginan untuk membantu orang lain. Jika ini benar, maka kebolehan memimpin pelajar yang dikaji harus diperhatikan kerana ia akan memberikan kesan kepada kebolehan mereka memimpin sesebuah organisasi. Individu yang mempunyai kawalan diri yang rendah mudah menunjukkan tingkahlaku yang boleh menjana letupan emosi atau *emotional eruption* yang negatif (Goleman, 1995; Noriah, 2006).

Pola yang sama juga diperhatikan bagi domain motivasi sendiri. Pelajar mendapat nilai peratus dorongan pencapaian yang rendah (kurang dari 60%), Walaupun nilai peratus komitmen dan minat adalah tinggi. Trait yang mendapat nilai peratus yang rendah ini boleh menarik nilai peratus trait yang lain daripada mencapai nilai peratus yang optima. Menurut Goleman (1995), dorongan pencapaian merupakan faktor yang boleh memapan dan mengekalkan minat seseorang untuk terus melakukan sesuatu tugas secara berterusan. Walaupun keseluruhan nilai peratus bagi semua trait empati melebihi 70%, namun pelajar yang dikaji mempunyai nilai peratus kesedaran dinamik kumpulan yang rendah, dan ini juga menurunkan nilai peratus keseluruhan domain empati. Kesedaran dinamik kumpulan merupakan satu trait yang penting bagi pelajar-pelajar tersebut memahami bagaimana sesuatu kumpulan atau anggota kumpulan berfungsi, dan ini merupakan trait yang penting apabila seseorang ingin bekerja dalam satu kumpulan dengan berkesan.

Pelajar mendapat nilai peratus yang rendah bagi dua dari lapan trait kemahiran sosial, dengan nilai peratus terendah pada trait mempengaruhi

orang lain dan komunikasi. Kedua-dua trait ini penting bagi membantu seseorang mengenengahkan idea dengan jelas dan seterusnya membantu orang lain menanggapi idea tersebut serta menerimanya sebagai satu pandangan yang boleh difikirkan. Bagaimana pun, persoalan yang harus dibincangkan ialah: (a) kenapa trait-trait penting ini mendapat nilai peratus yang rendah sedangkan pelajar-pelajar ini telah melalui satu sistem pendidikan yang holistik yang menekankan kepada penerapan nilai-nilai murni semasa mereka dibangku sekolah?, (b) apakah yang boleh dilakukan untuk membantu pelajar-pelajar ini meningkatkan nilai peratus trait kepintaran emosi ini agar nilai kebolehpasaran mereka dapat ditingkatkan?

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa secara keseluruhannya pelajar perempuan mempunyai indeks kepintaran emosi yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki, dan perbezaan ini adalah signifikan. Walaupun kajian untuk melihat perbezaan kepintaran emosi dalam kalangan individu berlainan jantina sangat sedikit, namun kajian yang telah dijalankan oleh Mayer dan Geher (1996) dan Mayer, Caruso dan Salovey (1995) menunjukkan bahawa wanita yang dikaji mempunyai indeks kepintaran emosi yang lebih tinggi dari lelaki. Justeru, dapatan ini menyokong kajian-kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik tersebut. Dari satu segi, dapatan sedemikian memberikan kelegaan kepada pihak pentadbiran universiti kerana bilangan pelajar perempuan yang lebih ramai dari bilangan pelajar lelaki, dan ini dapat meningkatkan keseluruhan bilangan pelajar yang mempunyai nilai kebolehpasaran yang tinggi. Namun, apa yang perlu difikirkan ialah, ke dua-dua kumpulan pelajar (lelaki dan perempuan) perlu mempunyai trait-trait kepintaran emosi yang sesuai dengan bidang pekerjaan masing-masing. Menurut Mayer, Curuso dan Salovey (1995, m.s. 199) *“regardless of gender, every individuals have the capacity to develop traits that will enhance their emotional intelligence. What is necessary is the right environment that will promote such trait..”* Justeru, hasil kajian ini boleh dijadikan sebagai rujukan oleh pihak pentadbiran universiti untuk membina intervensi bagi meningkatkan kepintaran emosi pelajar-pelajar terutama mereka yang berada di tahun akhir pengajian.

Hasil analisis data juga menunjukkan bahawa kepintaran emosi boleh digunakan sebagai peramal kepada pencapaian akademik, walau

pun nilai tersebut adalah sangat rendah. Ini bermakna, lebih tinggi nilai kepintaran emosi pelajar, lebih baik pencapaian akademik mereka. Dapatan ini menyokong kajian Romanelli, Cain, dan Smith (2006) yang juga mendapati bahawa kepintaran emosi boleh menjadi peramal kepada pencapaian akademik dan kejayaan di tempat kerja. Bagaimana pun, faktor-faktor lain yang juga boleh mempengaruhi pencapaian akademik pelajar harus difikirkan. Faktor seperti penggunaan strategi pengajaran yang berkesan berasaskan Kerangka Kelayakan Malaysia, penilaian kursus yang lebih tepat dan memenuhi keperluan pasaran pekerjaan, suasana pembelajaran yang kondusif dan tidak memberikan tekanan kepada kesihatan mental dan kesejahteraan pelajar, kurikulum kursus dan aktiviti kokurikulum yang mencabar minda mereka, serta kemudahan infrastruktur yang dapat menampung pembinaan jati diri pelajar, harus diambil kira dan dipastikan wujud dalam persekitaran pembelajaran pelajar.

Implikasi Ke Atas Kebolehpasaran Graduan Tempatan

Goleman (1995) dalam buku beliau telah menyatakan bahawa cara majikan memilih pekerja telah berubah dari hanya melihat kepintaran intelek sahaja kepada melihat kepada kedua-dua kepintaran intelek dan emosi. Pernyataan ini membawa implikasi yang besar kepada institusi pendidikan tinggi yang menghasilkan graduan sepanjang tahun bagi menampung keperluan negara untuk memenuhi sumber manusia yang diperlukan. Setiap IPTA harus memikirkan jalan terbaik untuk menghasilkan graduan yang dapat bersaing dalam dunia pekerjaan.

Pada masa yang sama juga Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia juga telah mula menekankan kepada kepentingan kemahiran insaniah yang mempunyai trait yang hampir sama dengan domain kepintaran emosi yang dicadangkan oleh Goleman (1995), Mayer, Caruso dan Salovey (1995), mahu pun Thorndike. Justeru, semua pihak kelihatan telah mula menyedari pentingnya membina tenaga kerja yang mempunyai ciri atau trait lebih holistik.

Pelajar yang diterima masuk ke UKM pada sesi 2007/2008 contohnya, didapati mempunyai beberapa kelemahan dari segi pembinaan trait kepintaran emosi walaupun telah melalui hampir 12 tahun sistem pendidikan di Malaysia yang menekankan kepada

pembinaan nilai-nilai murni. Justeru, intervensi harus dilakukan bagi membantu pelajar-pelajar ini membina trait yang diperlukan sepanjang mereka berada di UKM. Apakah yang akan berlaku jika perhatian tidak diberikan oleh setiap pihak yang berkewajipan di UKM, contohnya, fakulti, Pusat Perkembangan Pelajar, HEPA sendiri dan pelbagai pihak lain? Pelajar tersebut akan menamatkan pengajian dengan memegang segulung ijazah yang hanya menekankan kepada perkembangan kognisi tetapi pembentukan trait peribadi yang diperlukan untuk mereka berjaya (seperti mempunyai dorongan pencapaian yang tinggi, boleh menyesuaikan diri, boleh berkomunikasi dengan berkesan atau bekerja dalam satu pasukan) dalam dunia pekerjaan terabai.

Nilai peratus wanita yang memegang jawatan tinggi selepas tamat pengajian dan memainkan peranan sebagai punca pendapatan utama keluarga juga semakin meningkat. Ini menunjukkan bahawa bilangan wanita yang menceburi dunia kerjaya dalam pelbagai bidang juga semakin meningkat. Justeru, hasil kajian ini yang menunjukkan bahawa pelajar perempuan yang dikaji mempunyai indeks kepintaran emosi yang lebih tinggi sebenarnya menggambarkan satu senario dunia pekerjaan yang positif. Pelajar perempuan yang akan menamatkan pengajian ini bukan sahaja nanti mempunyai kepintaran intelek yang tinggi, malah juga akan mempunyai kepintaran emosi yang baik yang boleh membantu mereka di tempat kerja. Bagaimanapun, untuk perkara ini berlaku dengan jayanya, pihak ITP perlu secara berterusan memupuk trait-trait yang sedia ada dalam diri mereka agar ianya dapat berkembang dengan baik. Di samping itu, keperluan untuk meningkatkan nilai kepintaran emosi serta memupuk trait-trait peribadi yang dapat meningkatkan kebolehpasaran pelajar lelaki yang dikaji juga harus diberikan perhatian yang serius.

Kajian juga menunjukkan bahawa perkembangan intelek pelajar yang dikaji adalah seiring dengan pembentukan dan perkembangan kepintaran emosi mereka. Peningkatan nilai kepintaran emosi pelajar akan mencetuskan peningkatan pencapaian akademik pelajar. Jika perkara ini benar berlaku, maka keperluan kepada pembinaan trait kepintaran emosi ini harus dititikberatkan, agar pelajar yang dilahirkan mempunyai sifat yakin diri yang lebih tinggi dan menjadi rebutan majikan bukan sahaja dalam negara malah juga dari majikan di luar negara. Pelajar-pelajar ini seterusnya boleh menjadi aset negara yang boleh dieksport ke luar negara sebagai komoditi yang berharga.

Cadangan Kajian Akan Datang

Kajian yang dijalankan adalah kajian awal untuk meneroka dan melihat pola trait kepintaran emosi yang wujud dalam diri pelajar tahun satu di UKM. Kajian seterusnya haruslah pula dilakukan ke atas pelajar-pelajar tahun akhir yang akan menamatkan pengajian. Ini akan memberikan gambaran tentang kewujudan setiap trait tersebut dalam diri mereka setelah melalui proses pembelajaran selama tiga, empat atau lima tahun pengajian. Hasil dapatan kajian sedemikian juga akan dapat memberikan gambaran kepada pihak universiti tentang keberkesanan setiap program atau intervensi yang dilakukan oleh pelbagai pihak di UKM (fakulti, kolej kediaman dan sebagainya) untuk membantu pelajar-pelajar sebelum menamatkan pengajian.

Kajian untuk melihat hubungan antara kepintaran emosi menggunakan alat ukur MEQI dengan beberapa faktor lain seperti gaya kepimpinan, kebolehan pelajar menangani tekanan, penyesuaian akademik, emosi, dan sosial, gaya pembelajaran, kebolehan berfikir secara kritis dan kreatif serta pelbagai faktor lain juga perlu dilakukan. Kajian-kajian sedemikian bukan sahaja dapat menyediakan latar kesahan kriteria bagi alat ukur MEQI yang digunakan, malah ia akan dapat mengukuhkan fakta bahawa kepintaran emosi boleh menjadi peramal kepada beberapa faktor lain yang boleh menyumbang kepada pembentukan trait yang penting bagi pasaran pekerjaan.

Kajian eksperimental untuk melihat keberkesanan intervensi yang dilakukan untuk meningkatkan tahap kepintaran emosi pelajar juga harus dipergiatkan. Ini akan dapat membantu pihak berkepentingan dalam menyediakan dan memapan sumber manusia yang berguna bagi meningkatkan produktiviti sesebuah organisasi dan Negara.

RUJUKAN

- Berita Harian, 27 April, 2006. Kenapa Graduan Tempatan Kurang Di Minati?
- Charbonneau, D. & Nicol, A.A.M. 2002 Emotional intelligence and leadership in adolescents. *Personality and Individual Differences*. 33, 1101-1113.

- Cherniss, C. 2001. Emotional Intelligence, What it is and Why it Matters the Society. Kertas Kerja yang Dibentangkan di Industrial and Organizational Psychology, New Orleans, LA.
- Chrusciel, D. 2006. Considerations of emotional intelligence (EI) in dealing with change decision management. *Management Decision*, 44, 644-656.
- Goleman, D. 1995. Emotional Intelligence at Work Place. New York: Sage Pub.
- Goleman, D. 1996. *Intelligent Organization*. New York: Sage Pub.
- Hartley, D. 2004. Management, leadership and the emotional order of the school. *Journal of Educational Policy*. 19, 5, 583-594.
- Iskandar, O. 2006. Kepintaran emosi dalam kalangan pensyarah di Indonesia. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mayer, J.D. & Geher, G. 1996. Emotional intelligence and the identification of emotion. *Intelligence*, 22, 89-113.
- Mayer J.D. & Salovey, P. (1990). *Emotional intelligence. Imagination, Cognition, and Personality*, 9, 185-211.
- Mayer, J.D. & Salovey, P. (1993). The intelligence of emotional intelligence. *Intelligence*, 17, 433-442.
- Mayer, J.D. Curuso, D. & Salovey, P. (1995). Emotional intelligence and the construction and regulation of feelings. *Applied and Preventive Psychology*, 4, 197-208.
- Marques, J.F. 2006. The spiritual worker: An examination of the ripple effect that enhances quality of life in- and outside the work environment. *Journal of Management Development*. 25, 9, 884 - 895
- Noriah, M.I. 2000. Laporan Teknikal Seminar Penyelidikan RM8, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Noriah, Siti Rahayah, Zuria, Saemah, Manisah dan Rasadah 2000. Relationship between IQ and EQ. Paper Presented at Learning Conference, Spetse Island, Greece.
- Noriah, M.I. 2004. Laporan Teknikal IPRA. Prosiding Seminar Pemantauan Penyelidikan IRPA RM7. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Noriah, M.I., Zuria, M., Siti Rahayah, A., Ramlee, M., Ruhizan, M.Y., Norzaini, A., & Ruslin, A. 2004. IRPA Executive Report. MOSTI.

- Noriah Mohd. Ishak & Siti Rahayah Ariffin. 2005. Understanding emotional intelligence of Malaysian teachers. Proceeding untuk 12th International Conference (ISATT) 2005. 454-461.
- Noriah Mohd. Ishak & Zuria Mahmud. 2006. Redefining emotionalintelligent from the Malaysian teachers' perspective. Proceeding for AKU-IED Conference, Karachi, Pakistan.
- Ojanen, T, T & Perry, D.G. 2007, Relational Schemas and the Developing Self Perceptions of Mother and of Self as Joint Predictors of Early Adolescents' Self Esteem, *Developmental Psychology*, 26, 51 59.
- Petrides, F. & Furnham, A. 2004. Relationship between EQ and academic performance. *British Journal of Educational Psychology*, v74 n3 p391-410.
- Romanelli, F., Cain, J., & Smith, K.M. 2006. Emotional Intelligence as a Predictor of Academic and/or Professional Success. *Journal of Pharmaceutical Education*. 70,3,69-82.
- Rorlinda, I. 2007. Kepintaran Emosi dan Efikasi Kaunselor. Kertas Kerja yang Dibentangkan di Seminar Psikologi, Sabah.
- Syafrimen, S. 2004. Profil kepintaran emosi guru sekolah menengah. Kertas kerja yang Dibentangkan di Persidangan PERSIMA. Langkawi.
- Syed Najmuddin, S.S. 2005. Kepintaran Emosi, dan Nilai kerja Guru MARA. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Wan Ashibah, W.I. 2004. Kepintaran emosi guru: Satu kajian kes. Laporan Projek Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zurina, I. 2005. Profil kepintaran emosi dalam kalangan guru pelatih. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Pendidikan Khas, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.